



Panduan Menyelesaikan Pertikaian

Lembaga Pengarah Penyelesaian Pertikaian

Penolak Tuntutan

Brosur ini memberi maklumat am tentang proses yang terlibat dalam permohonan kepada DRD untuk menyelesaikan sesuatu hal. Janganlah bertindak dan janganlah pula tidak bertindak berdasarkan apa-apa yang terkandung dalam brosur ini. Berhubung dengan hal yang tertentu, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang sewajarnya. Brosur ini hendaklah dibaca bersama dengan maklumat yang disediakan di: www.workcover.wa.gov.au/DisputeResolutionForms dan brosur lain yang boleh didapati daripada WorkCover WA untuk pekerja, majikan, pengamal perubatan dan penyedia perkhidmatan yang lain.

Perihal Lembaga Pengarah Penyelesaian Pertikaian WorkCover WA

Lembaga Pengarah Penyelesaian Pertikaian (Dispute Resolution Directorate atau DRD) mendengar dan menentukan pertikaian yang berlaku antara pihak-pihak dalam sistem pampasan pekerja.

Matlamat DRD adalah untuk:

- menyediakan sistem yang adil dan berkesan kos untuk menyelesaikan pertikaian;
- mengurangkan kos pentadbiran dalam seluruh sistem pampasan pekerja; dan
- menyediakan sistem penyelesaian pertikaian yang:
 - tepat pada masanya dan memastikan hak pekerja dibayar dengan segera;
 - mudah digunakan, mesra dan profesional;
 - berkesan dalam menyelesaikan masalah; dan
 - menghasilkan persetujuan yang berpanjangan antara pihak-pihak yang berkenaan.

Apakah jenis-jenis pertikaian yang boleh dikemukakan kepada DRD?

Kebanyakan pertikaian yang berkaitan dengan tuntutan pampasan pekerja di bawah *Akta Pampasan Pekerja dan Pengurusan Kecederaan 1981* (Akta) boleh ditentukan oleh DRD. Ada dua jenis permohonan bagi penyelesaian pertikaian.

1. Permohonan Bahagian XII (pertikaian ‘kesan cepat’)

Permohonan Bahagian XII menangani perintah interim dan tuntutan kecil dengan tujuan memberi relief interim yang serta-merta dalam kes yang bersesuaian.

Permohonan Bahagian XII adalah jalan yang betul bagi pekerja yang memohon:

- bayaran pampasan mingguan **sehingga 12 minggu**; dan/atau
- bayaran perubatan dan belanja yang berkaitan dengannya yang **tidak melebihi 5 peratus** daripada Amaun Yang Ditetapkan. (Amaun Yang Ditetapkan ialah amaun maksimum bayaran pampasan mingguan yang disediakan untuk seseorang pekerja sepanjang tempoh tuntutan pampasan pekerja); dan
- pengemukaan dokumen yang berkenaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

Majikan juga boleh menggunakan permohonan Bahagian XII untuk:

- perintah penggantungan atau pengurangan interim (sementara); dan
- pengemukaan dokumen yang berkenaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

Majikan hanya boleh membuat permohonan Bahagian XII bagi perintah penggantungan atau pengurangan interim pada masa yang sama dengan permohonan bagi relief yang serupa di bawah Bahagian XI, atau selepasnya.

Pertikaian Bahagian XII boleh ‘dikesan cepat’ melalui sistem ini kerana pegawai DRD, yang dikenali sebagai penimbang tara, boleh membuat keputusan berdasarkan permohonan asal tanpa mengadakan perbicaraan.

Penimbang tara boleh mengeluarkan perintah bayaran interim di bawah Bahagian XII kecuali jika pada zahirnya:

- tuntutan itu hanya berkemungkinan tipis akan berjaya sekiranya ditangani di bawah Bahagian XI; dan/ atau
- terdapat kekurangan bukti perubatan yang berhubung dengan keadaan dan tempoh ketidakupayaan pekerja; atau
- bagi permohonan untuk belanja perubatan atau belanja yang berkaitan dengannya, terdapat kekurangan bukti untuk menentukan sama ada belanja yang dituntut adalah berpatutan ataupun tidak.

Keputusan yang dibuat oleh penimbang tara di bawah permohonan Bahagian XII tidak boleh dirayu.

Prosedur untuk mengemukakan permohonan Bahagian XII

Dapatkan permohonan Bahagian XII, yang dikenali sebagai Permohonan untuk *Perintah Interim, Tuntutan Kecil atau Pengemukaan Dokumen*, dan serahkan permohonan ini berserta apa-apa dokumen sokongan yang sesuai, kepada DRD.

Rujuk kepada *Panduan Mengisi Permohonan Bahagian XII* untuk memastikan bahawa permohonan telah diisi dengan betul. Permohonan yang tidak diisi dengan betul tidak akan diterima.

Permohonan yang telah lengkap mestilah dikemukakan kepada DRD sama ada dengan menyerahkannya sendiri atau melalui pos prabayar, atau melalui faksimile kepada **nombor faks DRD 9388 5690** yang tersiar. Jika diterima, permohonan itu akan didaftarkan oleh DRD, dimaterikan dan dikembalikan kepada orang yang mengemukakannya, dengan menunjukkan materi DRD.

Jika permohonan tidak diterima, pemohon akan diberitahu sebabnya.

Borang dan panduan permohonan boleh didapati dalam talian di www.workcover.wa.gov.au atau dengan menelefon WorkCover WA melalui talian 1300 794 744.

Jenis-jenis perintah Bahagian XII (kesan cepat) yang boleh dikeluarkan ialah:

• **Perintah bayaran interim (sementara)**

Jika seseorang pekerja mengemukakan borang tuntutan dan sijil perubatan kepada majikannya, dan 21 hari berlalu tanpa liabiliti ditentukan dan pekerja tidak menerima bayaran mingguan yang pertama, penimbang tara boleh mengeluarkan perintah bayaran interim. Pekerja boleh mengemukakan permohonan Bahagian XII pada bila-bila masa tetapi penimbang tara tidak boleh mengeluarkan perintah bagi bayaran interim sehingga 21 hari telah berlalu sejak tarikh pekerja itu mengemukakan borang tuntutan dan sijil perubatan.

Perintah bayaran interim bukanlah suatu pengakuan liabiliti, tetapi membenarkan pekerja menerima bayaran mingguan selama 12 minggu dan/atau belanja perubatan yang terhad sementara liabiliti ditentukan.

• **Pembatalan perintah bayaran interim (sementara)**

Penimbang tara, sebagai tindakan kepada sesuatu permohonan, boleh membatalkan perintah bayaran interim pada bila-bila masa dengan mengeluarkan notis bertulis kepada setiap pihak. Pembatalan tidak bermakna pekerja berkenaan terpaksa membayar balik apa-apa bayaran yang telah diterima dan tidak akan mempengaruhi liabiliti tuntutan.

Sekiranya pekerja tidak bersetuju dengan permohonan untuk pembatalan, dia mestilah menghubungi DRD dengan segera.

• **Perintah penggantungan atau pengurangan interim (sementara)**

Majikan atau penginsuransnya boleh membuat permohonan kepada DRD untuk menggantung atau mengurangkan bayaran pampasan mingguan bagi seseorang pekerja yang tercedera. Jenis permohonan ini hendaklah disertakan dengan dokumen yang menyokong alasan pemohon bahawa bayaran patut dikurangkan atau digantung. Satu contoh adalah laporan perubatan yang menyatakan bahawa pekerja yang tercedera adalah separa sihat atau sihat sepenuhnya untuk kembali bekerja. Perintah interim hanya boleh mengurangkan atau menggantung bayaran sehingga 12 minggu.

• **Pembatalan perintah penggantungan atau pengurangan interim (sementara)**

Penimbang tara boleh membatalkan perintah penggantungan atau pengurangan interim pada bila-bila masa. Sekiranya ini berlaku, bayaran mingguan hendaklah dibayar semula mulai tarikh perintah interim dibatalkan. Pekerja hendaklah diberi bayaran mingguan yang tidak dibayar dalam tempoh perintah, kecuali jika penimbang tara memerintah sebaliknya. Pembatalan ini tidak akan mempengaruhi liabiliti tuntutan.

- **Permohonan untuk mengemukakan dokumen**

Permohonan boleh dibuat untuk mengemukakan dokumen, bahan dan maklumat lain yang berkenaan yang ditetapkan oleh undang-undang.

2. Permohonan Bahagian XI (semua pertikaian yang lain)

Permohonan Bahagian XI boleh melibatkan isu-isu yang lebih rumit dan juga permohonan untuk bayaran mingguan dan juga belanja perubatan dan belanja yang berkaitan dengannya, yang masing-masingnya melebihi 12 minggu dan 5 peratus daripada Amaun Yang Ditetapkan.

Permohonan Bahagian XI ialah cara yang betul bagi mereka yang memohon, antara lain:

- bayaran pampasan mingguan yang **melebihi 12 minggu**;
- bayaran belanja perubatan yang **melebihi 5 peratus** daripada Amaun Yang Ditetapkan;
- kedua-dua di atas;
- pengurangan, penggantungan atau penamatan bayaran mingguan;
- lanjutan Amaun Yang Ditetapkan bagi bayaran mingguan atau bayaran belanja perubatan.

Permohonan Bahagian XI boleh juga berkaitan dengan:

- program latihan semula yang khusus;
- program kembali bekerja;
- pampasan bagi tanggungan akibat kematian seseorang pekerja;
- penilaian kecacatan.

Bilangan majoriti permohonan akan disenaraikan bagi telesidang terlebih dahulu sebagai percubaan untuk menyelesaikan pertikaian secara informal.

Jika pertikaian masih tidak diselesaikan, persidangan pendamaian, kemudian perbicaraan timbang tara, mungkin perlu diadakan.

Prosedur untuk memfailkan permohonan Bahagian XI

Sesiapa yang ingin memfailkan permohonan Bahagian XI dikehendaki untuk mengemukakan borang *Permohonan Untuk Menyelesaikan Pertikaian (Bahagian XI)* berserta dokumen sokongan yang sesuai untuk memperkuh kesnya.

Jika dokumen sokongan tidak boleh didapati pada masa permohonan difailkan, dokumen-dokumen itu mestilah disenaraikan dalam permohonan. Jika dokumen yang tidak boleh didapati itu tidak disenaraikan dalam permohonan, dokumen itu tidak boleh digunakan tanpa kebenaran penimbang tara.

Rujuk kepada *Panduan Mengisi Borang Permohonan Bahagian XI* untuk memastikan bahawa permohonan telah diisi dengan betul. Permohonan yang tidak diisi dengan betul tidak akan diterima untuk difailkan.

Permohonan yang telah lengkap mestilah difailkan dengan DRD sama ada dengan menyerahkannya sendiri, atau melalui pos prabayar, atau melalui faksimile kepada nombor faks DRD yang tersiar sahaja. Jika diterima, permohonan itu akan didaftarkan oleh DRD, dimaterikan dan dikembalikan kepada orang yang mengemukakannya, dengan menunjukkan materi DRD.

Jika permohonan tidak diterima, pemohon akan diberitahu sebabnya.

Permohonan itu kemudiannya mesti diberikan kepada penjawab.

Borang dan panduan permohonan boleh didapati dalam talian di www.workcover.wa.gov.au atau dengan menelefon WorkCover WA melalui talian 1300 794 744.

Penimbang tara tidak sepatutnya menentukan pertikaian tanpa terlebih dahulu berikhtiar sedaya upaya untuk mencapai persetujuan yang boleh diterima oleh pihak-pihak yang bertikai itu.

Telesidang

Langkah pertama untuk menyelesaikan pertikaian Bahagian XI ialah melalui telesidang.

Sekiranya pertikaian tidak dapat diselesaikan menerusi telesidang, penimbang tara mestilah menyenaraikan pertikaian itu untuk sidang pendamaian.

Sidang pendamaian

Sidang pendamaian membolehkan pihak-pihak yang berkenaan untuk bertemu di hadapan penimbang tara DRD dengan matlamat untuk mencapai persetujuan. Sidang pendamaian menyediakan forum bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah secara informal. Jika pertikaian itu tidak dapat diselesaikan dalam sidang pendamaian, penimbang tara boleh mengarahkan supaya perbicaraan timbang tara dijalankan.

Perbicaraan timbang tara

Penimbangtaraan adalah penentuan pertikaian cara formal. Penimbang tara menimbang segala bukti yang ada, termasuklah bukti lisan daripada saksi-saksi dan mendengar daripada semua pihak apa-apa hujah yang hendak mereka kemukakan sebelum membuat penentuan yang formal.

Perbicaraan timbang tara boleh dijalankan pada hari yang sama dengan hari sidang pendamaian. Ini terpulang kepada budi bicara penimbang tara dan hendaklah dibincangkan semasa telesidang.

Penimbang tara boleh menentukan pertikaian berdasarkan dokumen permohonan, tanpa mengadakan perbicaraan formal, jika wajar mengikut keadaan.

Sekiranya pertikaian itu bersifat perubatan, penimbang tara boleh merujuk perkara itu kepada panel penilaian perubatan semasa peringkat pendamaian atau penimbangtaraan.

Apakah panel penilaian perubatan?

Penimbang tara atau Pesuruhjaya DRD boleh merujuk soalan kepada panel penilaian perubatan jika terdapat konflik pendapat perubatan tentang keadaan atau keparahan kecederaan atau keupayaan pekerja untuk bekerja, antara doktor yang diambil khidmat oleh pekerja dengan doktor yang diambil khidmat dan dibayar oleh majikan.

Panel akan dianggotai tiga pengamal perubatan yang dipilih oleh Pengarah DRD daripada senarai yang disediakan oleh Persatuan Perubatan Australia, Australia Barat. Sekurang-kurangnya seorang doktor akan merupakan pakar dalam bidang yang berkenaan. Pengamal perubatan yang telah merawat atau memeriksa pekerja itu tidak layak menganggotai panel ini.

Panel boleh memeriksa pekerja, meminta dokumen daripada pekerja atau meminta pekerja menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh panel. Tiada sesiapa pun yang layak diwakili di hadapan panel kerana hanya persoalan perubatan akan ditentukan (bukan persoalan undang-undang).

Pekerja yang tidak menghadirkan diri di hadapan panel apabila dikehendaki untuk berbuat demikian, atau yang menghalang panel, boleh digantung haknya untuk mendapat pampasan yang selanjutnya.

Panel mestilah membuat penentuannya dalam tempoh 28 hari dari pemeriksaan. Dalam tempoh tujuh hari selepas itu, panel mestilah memberikan sebab-sebab keputusannya secara bertulis. Penentuan panel adalah muktamad dan mengikat semua pihak dan mana-mana mahkamah atau tribunal.

Keputusan – permohonan Bahagian XI

Penimbang tara akan memberikan keputusannya dan, atas permintaan, mengeluarkan sebab-sebab secara bertulis.

Perintah berkuat kuasa serta-merta apabila dikeluarkan atau seperti yang dinyatakan dalam perintah.

CATATAN: Jika maklumat baru diperoleh setelah pertikaian diselesaikan atau ditentukan, penimbang tara boleh menimbang semula keputusan dan membatalkannya atau mengubahnya atau membuat keputusan lanjut.

Menguatkuasakan keputusan

Jika penimbang tara memerintahkan supaya sesuatu pihak membayar wang dan wang itu tidak dibayar, pemohon boleh memfailkan hal itu kepada mahkamah dengan kuasa yang berwibawa. Satu salinan perintah DRD dan affidavit yang menyatakan amaun yang belum dibayar akan difailkan oleh pemohon. Setelah hal itu difailkan, keputusan dianggap sebagai perintah mahkamah itu dan boleh dikuatkuasakan menurutnya.

Merayu keputusan

Penentuan penimbang tara berdasarkan penemuan fakta dan undang-undang akan mengikat pihak-pihak yang berkenaan, tetapi boleh dirayu dengan kebenaran Pesuruhjaya.

Bagi rayuan yang membabitkan amaun pampasan, kebenaran untuk merayu boleh dibenarkan:

- jika persoalan undang-undang terbabit dan ambang kewangan yang tertakrif ditepati; atau
- jika persoalan undang-undang terbabit dan, pada pendapat Pesuruhjaya, hal itu begitu mustahak sehinggakan, atas kepentingan awam, rayuan patut dibenarkan.

Dalam apa-apa keadaan lain, kebenaran untuk merayu boleh dibenarkan jika persoalan undang-undang terbabit.

Rayuan kepada Pesuruhjaya mestilah dibuat dalam tempoh 28 hari selepas keputusan yang dirayu itu dibuat.

Rayuan kepada Pesuruhjaya bermula apabila Pengarah DRD bersetuju untuk menerima permohonan untuk membenarkan rayuan. Pesuruhjaya boleh mengesahkan, mengubah atau membatalkan keputusan yang dirayu, atau menggantikannya dan menambah padanya, apa-apa keputusan yang sepatutnya dibuat pada mulanya.

Keputusan Pesuruhjaya

Keputusan Pesuruhjaya adalah muktamad dan mengikat semua pihak dan tidak tertakluk kepada kajian semula kehakiman. Walau bagaimanapun, dengan kebenaran Mahkamah Agung, rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Penuh Anggota dalam Mahkamah Agung bagi persoalan undang-undang.

Adakah perwakilan undang-undang dibenarkan di DRD?

Ya. Mana-mana pihak yang memohon supaya DRD menentukan sesuatu perkara dibenarkan perwakilan undang-undang. Ejen yang berdaftar juga boleh mewakili pihak-pihak yang bertikai. Perwakilan undang-undang bukanlah suatu keperluan dan pihak-pihak yang terlibat boleh meneruskan permohonannya tanpa perwakilan.

Apabila dianggap wajar, penimbang tara boleh enggan membenarkan majikan diwakili oleh pengamal undang-undang atau ejen berdaftar apabila pekerja tidak diwakili.

Ejen berdaftar dan perwakilan lain

Pihak-pihak yang bertikai boleh diwakili oleh ejen berdaftar yang dibenarkan dan dikawal oleh WorkCover WA sebagai perwakilan dalam prosiding di hadapan DRD. Jika anda kurang pasti sama ada seseorang itu boleh bertindak sebagai ejen berdaftar seperti yang ditetapkan oleh WorkCover WA, anda harus menghubungi WorkCover WA untuk menentukan sama ada dia didaftarkan untuk bertindak sebagai ejen berdaftar.

Jika kanak-kanak merupakan pihak dalam prosiding, penimbang tara boleh melantik seorang penjaga untuk menjalankan prosiding bagi pihak kanak-kanak itu. Jurubahasa boleh dibenarkan untuk membantu dalam prosiding jika terdapat halangan bahasa.

Selain perwakilan rasmi, pihak dalam pertikaian, misalnya pekerja yang tercedera, boleh dibantu oleh ahli keluarganya atau kawannya semasa proses penyelesaian pertikaian, jika dibenarkan oleh penimbang tara.

Kos bagi perwakilan

Jawatankuasa Kos menentukan kos maksimum bagi perkhidmatan guaman dan perkhidmatan ejen berdaftar yang boleh dikenakan semasa mewakili pihak-pihak yang terlibat dalam hal-hal yang dipertikaikan. Kos adalah bayaran bagi perkhidmatan dan disusun untuk menggalakkan penyelesaian isu dan pertikaian dengan segera melalui persetujuan, dan mengelakkan kelengahan, kehadiran yang berlebih-lebihan dan penyediaan dokumentasi yang berlebih-lebihan.

Kos maksimum bagi perkhidmatan guaman dan ejen berdaftar ada tersiar dan boleh didapati dengan menelefon talian Infoline atau menerusi tapak web WorkCover WA.

Penebusan bayaran mingguan sekali gus

1. Penebusan (Seksyen 67)

Pekerja disyorkan supaya mendapatkan nasihat sebelum memuktamadkan tuntutan dengan cara penyelesaian sekali gus.

Jika bayaran mingguan bagi ketidakupayaan kekal sepenuhnya atau ketidakupayaan kekal separa akibat kecederaan (selain mesotelioma) telah berterusan selama tidak kurang daripada 6 bulan, liabiliti bagi ketidakupayaan tersebut boleh ditebus melalui bayaran sekali gus jika:

- a) penimbang tara, dengan persetujuan pekerja dan majikan, boleh mengeluarkan perintah bahawa liabiliti bagi ketidakupayaan tersebut ditebus melalui bayaran sekali gus sebanyak amaun yang dinyatakan dalam perintah itu, atau
- b) pekerja dan majikan bersetuju dengan penebusan dan amaun sekali gus tersebut, dan memorandum persetujuan didaftarkan di bawah Bahagian 7 Akta.

Pekerja yang menerima penebusan sekali gus mengetepikan haknya ke atas semua tuntutan dan permintaan yang telah, boleh atau mungkin dimiliki oleh pekerja terhadap majikannya di bawah Akta bagi apa-apa kecederaan yang dirujuk dalam persetujuan penebusan.

2. Jadual 2 – Bayaran Sekali Gus

Jika anda mengalami kecederaan diri akibat kemalangan yang berkaitan dengan kerja, dan ini pula menyebabkan kecacatan kekal pada bahagian tubuh yang disebutkan dalam Jadual Pampasan Kena Dibayar (dikenali sebagai Jadual 2 Akta), anda mungkin layak menerima penyelesaian sekali gus. Faedah maksimum adalah baki Amaun Yang Ditetapkan dan dihitung berdasarkan Amaun Yang Ditetapkan yang sedia ada pada tarikh kecederaan.

Perubahan pada sistem pampasan pekerja berlaku pada 14 November 2005 dan ini mempengaruhi cara penyelesaian Jadual 2 dihitung dalam sistem pampasan pekerja berkanun.

Jika kecederaan pekerja berlaku **sebelum 14 November 2005**, penyelesaian Jadual 2 didasarkan pada penilaian perubatan terhadap 'tahap kecederaan' pekerja. Jika terdapat pertikaian antara pekerja dengan majikannya mengenai tahap kecederaan, penimbang tara boleh merujuk hal tersebut kepada panel penilaian perubatan.

Jika kecederaan pekerja berlaku pada atau **selepas 14 November 2005**, penyelesaian Jadual 2 didasarkan pada penilaian perubatan terhadap tahap 'kecacatan kekal' pekerja. Jika terdapat pertikaian antara pekerja dengan majikannya mengenai tahap kecacatan yang dinilai, penimbang tara boleh merujuk hal tersebut kepada panel pakar perubatan yang diluluskan (lihat halaman yang berikutnya).

Penyelesaian Jadual 2 mestilah didaftarkan dengan DRD.

3. Penentuan hilang pendengaran

Jika ujian audiometri menunjukkan bahawa pekerja mengalami hilang pendengaran atau kurang pendengaran, tetapi pekerja tersebut belum pernah menjalani ujian audiometri sebelum itu, maka sama ada dan setakat mana kehilangan pendengarannya atau kurang pendengarannya boleh diberi pampasan perlu ditentukan. Kegagalan pekerja dan majikannya untuk mencapai persetujuan mengenai sama ada dan setakat mana kehilangan pendengarannya atau kurang pendengarannya merupakan hilang pendengaran cetusan hingar boleh pampas boleh ditangani sebagai pertikaian di bawah Bahagian XI.

Maklumat lanjut tentang penyelesaian sekali gus bagi pekerja boleh didapati dalam brosur WorkCover WA yang bertajuk Pampasan Pekerja dan Pengurusan Kecederaan: Panduan Untuk Pekerja.

Panel pakar perubatan yang diluluskan

Apabila timbul persoalan tentang kecacatan, persoalan itu boleh dirujuk untuk dinilai oleh panel pakar perubatan yang diluluskan. Pengarah DRD hendaklah memilih dua pakar perubatan yang diluluskan yang belum pernah merawat atau memeriksa pekerja yang berkenaan sebelum ini, untuk menganggotai panel.

WorkCover WA, dengan persetujuan pekerja, boleh memberi panel pakar perubatan yang diluluskan ini, apa-apa maklumat yang ada padanya yang mungkin berkenaan dengan penilaian pekerja tersebut.

Prosedur

Panel pakar perubatan yang diluluskan mungkin menghendaki pekerja menghadirkan diri di suatu tempat yang ditentukan untuk menjalani pemeriksaan dan menjawab apa-apa soalan tentang kecederaan tersebut. Panel juga mungkin menghendaki pekerja, majikannya atau penginsurans majikannya untuk mengemukakan atau bersetuju dengan pengemukaan apa-apa dokumen atau maklumat yang berkenaan. Had masa mungkin dikenakan untuk menepati keperluan ini. Penalti dikenakan jika keperluan ini tidak dipatuhi.

Pihak-pihak yang berkenaan tidak berhak untuk diwakili di hadapan panel pakar perubatan yang diluluskan.

Jika pekerja gagal mematuhi keperluan panel pakar perubatan yang diluluskan ini tanpa alasan yang munasabah, penimbang tara boleh menggantung penilaian kecacatan tersebut. Jika majikan atau penginsurans enggan atau gagal mematuhi keperluan panel pakar perubatan yang diluluskan ini tanpa alasan munasabah, mereka melakukan kesalahan dan boleh dikenakan penalti.

Hasil penilaian

Penilaian hendaklah dibuat dengan secepat mungkin selepas pemeriksaan.

Panel dikehendaki untuk memberi Pengarah DRD laporan bertulis mengenai tahap kecacatan pekerja, termasuk butir-butir penilaian dan sebab-sebabnya, dan sijil yang menyatakan tahap kecacatan pekerja itu.

Pengarah dikehendaki untuk memberikan salinan laporan dan salinan sijil kepada penimbang tara yang telah merujuk persoalan tersebut kepada panel, dan kepada pekerja dan majikannya, dalam tempoh tujuh hari selepas menerimanya.

Penilaian adalah muktamad dan mengikat semua pihak dan tidak boleh dirayu.

Jika sijil atau laporan mengandungi kesilapan yang nyata, kesilapan ini boleh diperbetul oleh panel.

Keputusan panel hendaklah sebulat suara, dan jika tidak, panel tersebut dibubarkan dan panel baru dilantik.

Apakah implikasi bagi bayaran Centrelink?

Penerimaan bayaran sekali gus boleh mengakibatkan kehilangan hak faedah Centrelink yang tertentu semasa 'tempoh halangan'.

Anda sangat-sangat dinasihatkan supaya membincangkan hal ini dengan Centrelink melalui talian (08) 9238 9493, sebelum menerima bayaran pampasan sekali gus.

Elok juga jika anda menghubungi dana penginsurans kesihatan anda untuk mengetahui apa-apa implikasi lain yang mungkin ada bagi penyelesaian anda.

Apakah implikasi bagi percukaian?

Pekerja hendaklah membuat pertanyaan yang berasingan di Pejabat Percukaian Australia melalui talian 13 28 61, mengenai implikasi menerima bayaran sekali gus.

Ke manakah boleh saya pergi untuk mendapatkan maklumat lanjut?

WorkCover WA Lembaga Pengarah Penyelesaian Pertikaian

2 Bedbrook Place
Shenton Park WA 6005
Telefon: (08) 9388 5555
Faksimile: (08) 9388 5690

Ahli Lembaga Pengarah memberikan maklumat tentang **prosedur** penyelesaian pertikaian sahaja. Mereka tidak boleh memberikan maklumat am atau nasihat undang-undang mengenai hal-hal pampasan pekerja dan pengurusan kecederaan atau menyediakan perwakilan dalam mana-mana prosiding bagi pihak anda.

Maklumat lanjut tentang pampasan pekerja boleh didapati melalui telefon atau dengan mendapatkannya sendiri di WorkCover WA.

WorkCover WA

2 Bedbrook Place
Shenton Park WA 6005
Telefon Infoline: 1300 794 744
Faksimile: (08) 9388 5550
Cacat Pendengaran: TTY (08) 9388 5537
Tapak web: www.workcover.wa.gov.au

Infoline adalah perkhidmatan maklumat melalui telefon yang memberikan maklumat am mengenai pampasan pekerja dan pengurusan kecederaan.

Maklumat boleh didapati dalam **format alternatif** bagi orang yang kurang upaya, termasuklah gelung audio yang disediakan untuk orang yang cacat pendengaran melalui notis 48 jam.

Khidmat jurubahasa, yang dibiayai oleh WorkCover WA, boleh disediakan melalui notis terdahulu.

Sumber-sumber Lain

Unit Kajian Semula Pengurusan Kecederaan di WorkCover WA melalui talian (08) 9388 5555.

Untuk membuat pertanyaan mengenai isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan, hubungi Talian Maklumat WorkSafe melalui talian 1300 307 877.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kadar upah dan syarat-syarat award, hubungi 'Wageline' **Jabatan Perlindungan Pengguna dan Pekerja** melalui talian 1300 655 266.